



**SYED JALALUDIN SYED SALIM** (dua dari kanan) bersalaman dengan penerima Anugerah Mahani Zainal Abidin, Tie Ting Huat (kiri) sambil disaksikan Mary Yap Kain Ching (dua dari kiri) dalam majlis Konvokesyen Asia e University (AeU) Ke-6 di Kuala Lumpur semalam. - MINGGUAN/HALIM KHALID

# Usaha, sokongan keluarga kunci kejayaan Mary Yap

**KUALA LUMPUR 15 Okt.** - Usaha, doa serta sokongan padu daripada keluarga menjadi pembakar semangat kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching untuk menggenggam Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam majlis Konvokesyen Asia e University (AeU) Ke-6 hari ini.

Lebih manis, penyerahan ijazah berkenaan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) disaksikan sendiri oleh ketuanya yang juga Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Menurut Mary Yap, beliau memulakan pengajian peringkat PhD sejak 2010, namun terpaksa melupakannya seketika kerana terlibat dengan pelbagai komitmen kerja dan aktiviti politik.

"Tempoh lima tahun me-

nyiapkan tesis memerlukan pengorbanan dan keazaman yang tinggi. Jika tiada semangat dan sokongan daripada pelbagai pihak, mungkin saya tidak akan memperoleh kejayaan ini."

"Ketika itu, data-data bagi tujuan penyelidikan sudah ada, tetapi masih belum disiapkan kerana kekangan masa. Saya mengucapkan terima kasih kepada bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad kerana memberi galakan, motivasi dan kata-kata semangat kepada saya untuk meneruskan kajian hingga selesai," katanya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen AeU Ke-6.

Dalam majlis konvokesyen itu, kira-kira 3,600 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam pelbagai bidang.

Yang turut hadir Pengurus Lembaga Pengarah AeU, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim.

Tambah Mary Yap, pengalaman yang diperoleh ketika menyiapkan kajian tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

"Demi menyiapkan kajian, saya bersengkang mata kerana hanya sempat tidur empat jam sehari. Selain itu, saya juga pergi sendiri ke sekolah di pedalaman Sarawak seperti Ba'kelalan selama dua minggu untuk mengutip data," katanya.

Dalam pada itu, Idris mengucapkan tahniah kepada Mary Yap di atas pencapaiannya dan menganggap beliau sebagai contoh kepada usaha kerajaan yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat kepada rakyat Malaysia.